



TEKS UCAPAN ALUAN

OLEH:

**YBHG. DATO' DR. ZAINAH BINTI IBRAHIM
TIMBALAN KETUA PENGARAH (Pembangunan)
PLANMalaysia
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)**

SEMPENA:

**HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2019
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG**

PADA:

**21 OKTOBER 2019
BERSAMAAN 22 SAFAR 1441H**

BERTEMPAT DI:

***THE SUMMER PLACE,*
LEBUH SG. PINANG 7,
JELUTONG, PULAU PINANG**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan Salam Sejahtera.

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis,

YB. TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa Negeri Pulau Pinang

YB. DATO' SERI HAJI FARIZAN BIN DARUS

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

YB. TUAN PHEE BOON POH

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang

YBhg. DATO' Ar. YEW TUNG SEANG

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang

YBhg. DATO' Sr. HAJI ROZALI BIN HAJI MAHAMUD

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ahli-ahli Yang Berhormat,.

Ketua/Wakil Ketua Jabatan di semua peringkat Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun termasuk jemputan dari Negeri dan PBT berjiran,

Seterusnya YBhg. Dato'/Tuan/Puan para hadirin,

YB. Tuan/Puan, YBhg. Dato'/Tuan/Puan Yang Dihormati Sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniannya kita telah diberi ruang dan kesempatan bersama-sama pada pagi ini **sempena**

Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) bagi tahun 2019 Peringkat Negeri Pulau Pinang yang diadakan di pinggiran *The Summer Place*, Lebuh Sg. Pinang 7, Jelutong, Pulau Pinang.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh (Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang), yang sudi melapangkan masa untuk hadir merasmikan program ***“Semarak Teduhan Komuniti”*** sempena

sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia bagi tahun 2019 peringkat Negeri Pulau Pinang pada pagi ini. Kehadiran YB. Tuan amatlah dihargai sekaligus menggambarkan komitmen dan sokongan yang tinggi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam aspek perancangan bandar dan desa.

3. Ucapan jutaan terima kasih juga kepada Yang Berhormat barisan EXCO, Yang Berhormat Adun-Adun Kawasan yang sudi hadir, YBhg. Datuk Bandar bagi kedua-dua PBT iaitu MBPP dan MBSP dan YBrs. Tuan Pengarah Jabatan Hutan Negeri Pulau Pinang di atas segala kerjasama yang diberikan bagi

menjayakan sambutan HPBS pada hari ini.

4. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi di peringkat negeri dan daerah, wakil-wakil Jabatan, serta pemimpin-pemimpin masyarakat dan komuniti setempat kerana sudi melapangkan masa untuk bersama-sama bagi menyambut Hari Perancangan Bandar Sedunia bagi tahun 2019 Peringkat Negeri Pulau Pinang.

***YANG BERHORMAT TUAN,
YANG BERBAHAGIA DATO',
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG
DIHORMATI SEKALIAN.***

**LATAR BELAKANG SAMBUTAN HARI
PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA
(HPBS)**

5. Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia atau dikenali sebagai HPBS ialah sambutan istimewa untuk juru rancang bandar bagi memperingati peranan dan sumbangan mereka dalam melaksanakan pembangunan mampan. Sambutan HPBS ini diadakan pada 8 November setiap tahun dan ianya mula diperkenalkan sejak 56 tahun yang lalu. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

Semenanjung Malaysia atau kini dikenali sebagai PLANMalaysia menjadikannya acara tahunan semenjak tahun 1988.

JUSTIFIKASI TEMA SAMBUTAN HPBS 2019

6. Tema sambutan HPBS pada tahun ini adalah ***“Green And Community: Together Is Better”***. Tema kali ini merupakan salah satu aspek yang perlu diberi perhatian oleh pihak Kerajaan, bertujuan untuk merancang dan melaksanakan pembangunan yang mampan serta mendidik masyarakat akan kepentingan memelihara alam sekitar ke

arah persekitaran yang kondusif dan lestari.

7. Perancangan dan pembangunan yang mampan juga ditekankan dalam *Sustainable Development Goals (SDGs)* dan *New Urban Agenda (NUA)* yang mana kedua-dua polisi ini secara rasminya telah diterima pakai oleh pemimpin-pemimpin dunia pada 25-27 September 2015 dalam sidang kemuncak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nation*) di *New York*. Oleh itu, dasar dan strategi perancangan yang terdapat di peringkat antarabangsa, negara mahu pun negeri yang menjurus kepada amalan kehijauan dan alam

sekitar yang mampan perlulah dipatuhi, diamalkan serta dilaksanakan sepenuhnya.

8. Pencapaian pelaksanaan SDGs dan NUA dalam konteks malaysia, khususnya Negeri Pulau Pinang turut ditekankan dalam Forum Perbandaran Asia Pasifik – 7 (APUF7), baru-baru ini. Tidak terlewat saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan Pulau Pinang dalam menjayakan konvensyen yang bertaraf antarabangsa ini.
9. Pemilihan tema ini juga adalah selaras dengan objektif Rancangan Pemajuan Nasional (RPN) dan Garis Panduan

Perancangan (GPP) yang disediakan oleh pihak PLANMalaysia serta **Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat** yang mengintegrasikan nilai kerohanian dalam perancangan dengan mengambil kira hubungan antara Manusia, Pencipta dan Alam Sekitar yang menjadi asas sesuatu masyarakat. Dalam konteks ini, komuniti adalah manusia dan *green* adalah alam sekitar di dalam satu sistem yang menyeluruh ciptaan Tuhan (Pencipta)

10. *Green* atau Hijau yang dimaksudkan adalah berkaitan dengan **Teras 2** dalam **Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN-3)**, iaitu **Kemampuan Spatial dan Daya**

Tahan Terhadap Perubahan Iklim yang mana sasaran Malaysia untuk mencapai Negara Rendah Karbon dengan pengurangan sebanyak 50 peratus pelepasan gas karbon dioksida pada tahun 2040.

11. Selain daripada itu, dalam **Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)** juga menyentuh berkenaan inisiatif Pembangunan Hijau dan Persekitaran Bersih bagi mewujudkan kejuranan hijau yang fokus kepada gaya hidup rendah karbon.

12. *Community* pula menggambarkan kumpulan masyarakat yang berperanan

membantu dalam usaha-usaha menggiat dan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang berkaitan, dengan berkolaboratif bersama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) atau agensi-agensi kerajaan dalam membantu pembentukan komuniti inklusif dan berdaya huni.

13. Penggembelangan tenaga dan usahasama adalah perlu dalam mewujudkan kualiti persekitaran setempat yang aktif, bersih dan selamat serta memastikan kepentingan budaya dan warisan terus diperkukuhkan. Ia tidak boleh dilaksanakan secara 'silo' atau bersendirian, bahkan ia perlu dilaksanakan secara bersatu padu di

antara komuniti (penduduk), agensi (PBPT dan Jabatan Kerajaan) serta pihak swasta. Inisiatif mempergiatkan keterlibatan komuniti dan kolaboratif pelbagai pihak perlu diteruskan bagi membentuk komuniti yang inklusif dan berdaya huni.

***YANG BERHORMAT TUAN,
YANG BERBAHAGIA DATO',
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG
DIHORMATI SEKALIAN.***

SAMBUTAN HPBS 2019

14. Majlis Sambutan Utama HPBS 2019 iaitu bagi peringkat kebangsaan kali ini akan diadakan di **Dataran Kemerdekaan Shah Alam, Selangor pada 10**

November 2019 (Ahad). PLANMalaysia juga telah mengatur perancangan sambutan HPBS di setiap negeri bermula di Negeri Perlis pada 24 September 2019 (Selasa), Negeri Kedah pada 29 September 2019 (Ahad), Negeri Johor pada 10 Oktober 2019. Negeri Perak pada 11 Oktober 2019 (Jumaat), dan pada hari ini di Negeri Pulau Pinang seterusnya disusuli dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia sehinggalah ke sambutan utama di Shah Alam, Selangor.

15. Selaras dengan tema sambutan pada tahun ini, PLANMalaysia telah mensasarkan sebanyak **3,000 batang**

pokok dengan penglibatan 10,000 orang peserta di semua negeri. Difahamkan sempena sambutan HPBS Peringkat Negeri Pulau Pinang pada tahun ini, Negeri Pulau Pinang telah memberikan komitmen untuk menanam sebanyak **100 batang pokok** khusus bagi sambutan HPBS pada pagi ini. Namun demikian, **saya difahamkan jumlah ini hanyalah sebahagian kecil dari jumlah sebenar pokok yang telah berjaya ditanam di seluruh Pulau Pinang** [*yang mungkin akan diperincikan sendiri oleh YB. Tuan Jagdeep Singh Deo dalam ucapan perasmianya selepas ini.*]

16. Selaras dengan HPBS, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui PLANMalaysia akan mengadakan program Anugerah Kejiranan Hijau bagi memberi galakan kepada Kerajaan Negeri dan PBT meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat melalui program-program penghijauan dan penglibatan penduduk setempat. Anugerah Bandar Mampan (MURNInets) pula turut dijenamakan semula untuk mengiktiraf Kerajaan Negeri dan PBT yang telah melaksanakan dan menepati kriteria kemampuan bandar dan desa di kawasan pentadbiran masing-masing. Pemenang-pemenang akan diisytiharkan dalam Majlis Sambutan HPBS Peringkat

Kebangsaan yang akan diadakan di Dataran Kemerdekaan Shah Alam pada 10 November nanti.

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 (WKB2030)

17. Pada 5 Oktober yang lalu, Kerajaan Persekutuan telah melancarkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif.

18. Turut disentuh dalam WKB 2030 adalah Aktiviti Ekonomi Hijau, yang merangkumi aktiviti seperti bangunan hijau, pengangkutan dan mobiliti lestari, kedaulatan dan jaminan bekalan makanan, tenaga dan lautan, produk gantian plastik, bandar pintar dan lestari, pembangunan persisir yang mampan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, teknologi adaptasi iklim dan pertanian organik. Ekonomi hijau juga merujuk kepada pembentukan sebuah ekonomi kitaran yang mampu beroperasi tanpa sisa buangan.

19. Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai penjawat awam dan anggota

masyarakat untuk menggembelng tenaga bagi menjayakan WKB 2030 kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, dokumen ini boleh menjadi wadah baharu dalam merealisasikan komuniti rendah karbon yang dicita dan diusahakan selama ini di kawasan pentadbiran masing-masing dengan lebih efisien.

PENUTUP

***YANG AMAT BERHORMAT, YANG
BERBAHAGIA DATO',
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG
DIHORMATI SEKALIAN.***

20. Adalah menjadi harapan, agar semua pihak terutamanya di peringkat PBT untuk bersama-sama terlibat secara aktif dalam mengekalkan kehijauan alam sekitar supaya dapat dijaga dan dikekalkan sekaligus memastikan perancangan dan pembangunan mampan di negara kita dapat diterjemahkan serta direalisasikan dengan jayanya khususnya di bumi '*Pulau Mutiara*' ini.

21. Sebagai mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang khususnya kepada Yang

Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh selaku EXCO yang bertanggungjawab terhadap portfolio Perancangan Bandar dan Desa di Negeri Pulau Pinang di atas komitmen dan sokongan padu yang telah diberikan. Seterusnya kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2019, khususnya kepada penganjur bersama iaitu PLANMalaysia@Pulau Pinang, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang yang telah menjadi tuan rumah bagi sambutan HPBS pada kali ini. Seterusnya, Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri yang

memberi komitmen yang tinggi, komuniti-komuniti, pihak swasta dan peserta-peserta yang hadir pada hari ini.

22. Semoga setiap usaha dan tenaga yang telah dicurahkan, akan mendapat keberkatan daripada Yang Esa jua. Berbekalkan doa dan harapan, agar kesinambungan persekitaran hidup yang berkualiti dan mampan dapat terus dikecapi oleh seluruh pewaris bangsa di masa hadapan.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Sekian, terima kasih.